

Bil. S 60

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH)
(PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Penyalahgunaan Dadah) (Pindaan), 1999.

Pindaan bab 15 dari Penggal 27. 2. Bab 15 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "atau dianggap" sejurus selepas "dibuktikan" dalam baris pertama;

(b) dengan menambah "atau mempunyai dadah terkawal itu dalam miliknya bagi maksud memperdagangkannya, mengikut mana yang berkenaan" sejurus selepas "dadah yang dikawal itu" dalam baris penghabisan.

Pindaan bab 30. 3. Bab 30 dari Akta tersebut adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memotong "5 tahun" dan menggantikannya dengan "10 tahun";

(b) dengan memotong "5 kali sebat" dan menggantikannya dengan "10 kali sebat".

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 20 haribulan Disember, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM